

18 JUN 2003

Abdullah-Harakah

PERMOHONAN MAAF HARAKAH SIA-SIA, KARIKATUR MENGHINA PM SENGAJA
DILAKUKAN

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata permohonan maaf Harakah, akhbar rasmi parti PAS, yang menyiarkan karikatur Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan mengaitkan lakaran itu dengan khinzir sia-sia kerana penyiaran karikatur itu memang disengajakan.

"Maaf itu dah sia-sia kalau sekadar untuk menghilangkan tuduhan yang diberikan dan mengelak daripada dituduh (menghina Dr Mahathir)," katanya ketika mengulas tindakan Harakah memutuskan untuk menarik balik penyiaran kartun itu yang diterbitkan dalam akhbar berkenaan bagi keluaran 16 hingga 30 Jun ini.

Harakah juga memohon maaf kepada mana-mana pihak yang tersinggung dengan penyiaran lukisan itu.

"Dah buat dulu dah, dah bagi orang sakit hati, seronok tengok Dr Mahathir diperlecehkan begitu, lepas itu baru nak minta maaf. Macam mana tu?" katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pertandingan Esei Patriotik anjuran Alumni Kelab Umno Luar Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata beliau sedang menunggu laporan penuh mengenai perkara itu sebelum mengambil tindakan lanjut terhadap akhbar berkenaan.

Abdullah berkata sidang pengarang akhbar rasmi parti pembangkang itu sepatutnya boleh bertindak lebih awal untuk menyekat daripada penyiaran lakaran berkenaan.

"Bila anda sengaja buat sesuatu, sengaja buat benda tu dan fikir hendak masukkan dalam Harakah, dah tahu apa kartun itu tunjukkan, takkanlah masa itu tak rasa eish...tak boleh kita buat macam ini. Tidak patut kita buat macam ini.

"Dan beritahulah pada sidang redaksi (pengarang supaya) buang atau sekurang-kurangnya Editor Harakah sendiri berfikir takkan sampai begini sekali.

"Kita (PAS) parti Islam, bercakap pasal nilai Islam takkan nak buat begini, inikah cara nilai orang Islam membuat kerja," katanya.

Tindakan Harakah menyiarkan karikatur menghina Dr Mahathir telah menyebabkan kalangan pemimpin Barisan Nasional dan Kelab Penyokong Kerajaan meminta kerajaan mengambil tindakan terhadap Harakah termasuk menarik balik lesen penerbitannya.

Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini mengakui penyiaran gambar kartun mengenai Dr Mahathir berhidungkan khinzir di Harakah, merupakan satu kesilapan dan keterlanjuran.

-- BERNAMA

HS KHY ROS